

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

SOALAN NO. 338

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah komitmen kementerian untuk meningkatkan kemudahan katil, teknologi perubatan terkini terutama untuk Hospital Port Dickson yang amat mendesak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat Malaysia. KKM juga mempunyai rancangan untuk menaik taraf hospital namun ia akan dilaksanakan mengikut keperluan dan keadaan semasa. Selain itu, KKM juga mencari kaedah lain dalam meningkatkan perkhidmatan pakar, fasiliti dan teknologi perubatan di hospital daerah. Oleh yang demikian, inisiatif Hospital Kluster telah dilaksanakan untuk memenuhi tujuan ini.

Pelaksanaan Hospital Kluster yang telah bermula sejak 2014 adalah antara langkah yang diambil untuk meningkatkan kemudahan perubatan di Hospital Daerah. Melalui Hospital Kluster, hospital daerah dan penduduk sekitarnya akan mendapat khidmat kepakaran secara terus dan kemudahan perubatan yang bersepadu dan dikordinasikan dengan lebih bersistematik.

Hospital Kluster Negeri Sembilan 2 menggabungkan Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dengan Hospital Port Dickson dan Hospital Jelevu. Melalui pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster, perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien, cekap dan berkualiti dapat dilaksanakan termasuk di Hospital Port Dickson. Sumber-sumber seperti sumber manusia, teknologi perubatan, fasiliti, katil, peralatan, kewangan dan lain-lain dapat dikongsi dan dioptimumkan penggunaannya di semua hospital yang terlibat di dalam Hospital Kluster.

Khusus mengenai peningkatan kelengkapan peralatan perubatan seperti katil hospital dan teknologi peranti perubatan lain di Hospital Port Dickson, dari tahun 2015 hingga 2018, pihak Hospital Port Dickson telah menerima peruntukan sebanyak **RM 244,300** bagi perolehan 43 katil baru termasuk 10 katil elektrik dan 1 Katil ICU.

Selain itu, beberapa peralatan teknologi terkini telah dibekalkan ke Hospital Port Dickson bagi tahun 2015 hingga 2019 seperti Kelengkapan *Mobile X ray* dan *Computed Radiography*, Sistem Endoskopi serta *Mid Range Ultrasound*.

Sekian, terima kasih.